

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI NANCY SHUKRI
(BATANG SADONG)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI [BATANG SADONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil untuk mengatasi isu penyalahgunaan dadah sintetik yang muncul baru-baru ini di Sarawak dan jumlah bilangan terkini pelajar positif penyalahgunaan dadah sintetik untuk tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan amat serius dalam menyelesaikan isu penyalahgunaan pelbagai jenis dadah. Dalam menangani isu penyalahgunaan dadah ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) giat melaksanakan aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan di seluruh negara termasuk di Sarawak.

Bagi aktiviti pencegahan, AADK telah melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan yang melibatkan komuniti dan Jabatan Kerajaan lain serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai agen yang membantu AADK dalam memastikan keberkesanan program yang telah dirancang dan dapat disempurnakan dengan kerjasama semua pihak.

SOALAN NO : 24

Antara program yang telah dilaksanakan ialah Program Keluarga Bebas Dadah, Program Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Program Tempat Kerja Bebas Dadah, Program Komuniti Bebas Dadah dan lain-lain. Selain itu, AADK juga telah memperkenalkan Projek Rintis bagi membasmi penyalahgunaan dadah secara bersepadu di 12 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara. Projek rintis ini membabitkan penyertaan 9 Kementerian, 15 agensi, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), di mana tindakan holistik dan menyeluruh dapat dibuat menerusi pembabitan bersama sekaligus akan memberi lebih impak positif kepada komuniti. Projek ini juga memberi fokus terhadap elemen Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sahsiah masyarakat setempat.

Bagi aktiviti penguatkuasaan pula, AADK sentiasa bersedia dalam menjalankan operasi terhadap aduan-aduan berkaitan penyalahgunaan dadah yang dikemukakan oleh orang awam. Ops Cegah yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK akan menahan mana-mana individu yang disyaki menagih dadah di bawah seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Mereka akan diberi rawatan dan pemulihan di dalam Pusat Pemulihan atau dikenakan pengawasan dalam komuniti.

Bagi mereka yang dikenakan pengawasan dalam komuniti, iaitu Orang Kena Pengawasan (OKP), AADK melaksanakan program *Home Visit* bagi memberi sokongan kepada OKP yang terlibat untuk kekal pulih dan dalam masa yang sama, dapat menyalurkan maklumat kepada keluarga OKP dan masyarakat setempat berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan kedua Yang Berhormat, sehingga Julai 2019, ujian urin telah dilaksanakan terhadap 39,538 orang pelajar (13-17 tahun) dan didapati 3.06% daripada jumlah yang diuji tersebut atau 1,210 orang pelajar adalah positif dadah. Daripada jumlah yang positif dadah tersebut, seramai 825 orang pelajar atau 2.09% daripada jumlah yang diuji adalah didapati positif dadah sintetik.